

NC UTHM pernah kendali masalah siswa hendak bunuh diri, trauma

BATU PAHAT 17 Julai - Mahasiswa hendak bunuh diri kerana tertekan dan trauma akibat diculik merupakan antara kes berkaitan masalah psikologi yang pernah ditangani Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin.

Menurut laman web UTHM, Mohd. Noh berkongsi pengalaman itu semasa merasmikan Persidangan Kebangsaan Kaunseling dan Kerjaya 2012 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Persidangan itu dianjurkan UTHM dengan kerjasama Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti Malaysia (Makuma) dan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (Akept) di Hotel Grand Seasons.

Mohd. Noh berkata, walaupun

kes ekstrem seperti itu adalah terpencil, ia menjadikan peranan kaunselor dan khidmat kaunseling di institusi pengajian tinggi semakin penting.

Menurutnya, sebagai manusia biasa, penuntut juga tidak terlepas daripada menghadapi masalah dan memerlukan bimbingan pakar untuk mencari jalan penyelesaian terbaik.

Pada masa yang sama, kemahiran dan pengetahuan kaunselor juga perlu diperkasakan ekoran timbulnya pelbagai isu dan masalah berkaitan psikologi dalam kalangan mahasiswa.

Pada majlis itu, Mohd. Noh turut melancarkan buku *Merekayasa Pembimbing Rakan Siswa Institusi Pengajian Tinggi* hasil tulisan ahli-ahli Makuma.

Turut hadir, Timbalan Naib

Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Sains Islam Malaysia, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah selaku wakil rasmi Pengurus Makuma dan Dekan Pusat Pembangunan dan Pengembangan Pelajar (P3P), UTHM; Prof. Madya Dr. Asri Selamat.

Seramai 130 kaunselor di institusi pengajian tinggi awam dan swasta menyertai persidangan itu yang bertemakan 'Psikologi Efektif, Keluarga dan Masyarakat Harmoni'.

Persidangan itu menjadi platform kepada peserta untuk berkongsi pandangan mengenai isu-isu berkaitan kanak-kanak, remaja dan warga emas di samping mempelajari teknik dan aplikasi terbaik dalam menanganiinya.



MOHD. Noh Dalimin (kiri) melancarkan buku *Merekayasa Pembimbing Rakan Siswa Institusi Pengajian Tinggi* di Kuala Lumpur, baru-baru ini.